

Perpaduan UMNO masih

9
UM 1 MAY 1986
kukuh

— Mahathir

KUALA LUMPUR 30 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan perpaduan UMNO masih kukuh dan semua pihak mengutamakan parti itu walau apapun perselisihan faham.

Perdana Menteri berkata semua ahli parti ingin melihat UMNO mencapai kejayaan dan ini akan menjamin keupayaan UMNO menghadapi segala cabaran di zaman ini.

“Asas kekuatan dan kekukuhan UMNO ialah per-

paduan di kalangan ahli - ahlinya. Sekali lagi, walaupun ada pendapat yang berbeza - beza, tetapi umumnya semua hendak melihat UMNO menjadi sebuah parti yang berkesan dan mereka tidak akan menghancurkan parti semata - mata kerana kepentingan diri,” jelasnya dalam wawancara khas dengan li-dah rasmi parti, *Merdeka* sempena ulang tahun UMNO ke-40 pada 11 Mei ini.

Mengenai kunci kejayaan UMNO dalam mengatasi krisis demi krisis, Presiden UMNO itu menjelaskan, sebenarnya krisis adalah perkara biasa dalam mana - mana parti.

Beliau berpendapat UMNO berjaya mengatasi krisis - krisis ialah kerana apabila menghadapi sebarang cabaran, biasanya ahli - ahlinya merapatkan barisan dan sama - sama menghadapi cabaran itu.

Sambil menyatakan UMNO kekal dengan keadaannya seperti waktu ditubuhkan dahulu, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah: “Jika tidak ada cabaran, kadang - kadang terdapat juga krisis di kalangan ahli UMNO, tetapi apabila ada

LIHAT MUKA 6